



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS OPEN DAY DIADAKAN BAGI MEMPERCEPATKAN URUSAN PERMOHONAN KELULUSAN PENGANJURAN SUKAN

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) hari ini telah mengadakan KBS Open Day di Podium Menara KBS untuk orang ramai hadir dan mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak KBS secara lebih dekat dan cepat.
2. KBS Open Day ini juga merupakan salah satu usaha KBS dalam mempermudah urusan orang ramai mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.
3. Program ini diadakan selepas mendapat maklum balas yang diterima daripada beberapa sesi *townhall* yang telah diadakan bersama beberapa pemegang taruh KBS termasuk persatuan dan industri sukan yang memohon agar permohonan kelulusan penganjuran acara sukan di Malaysia dapat dipermudahkan dan diluluskan dengan kadar segera.
4. Sebanyak 14 kaunter perkhidmatan telah dibuka, ia termasuk kaunter perkhidmatan jabatan dan agensi di bawah KBS serta beberapa agensi kementerian lain yang terlibat dalam kelulusan penganjuran acara sukan.
5. Langkah proaktif ini diambil seperti yang telah dinyatakan oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan bahawa KBS sentiasa akan melihat cara yang terbaik dalam memberi kelulusan dalam penganjuran sukan di Malaysia serta membantu memudahkan urusan pihak industri sukan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT).

6. KBS Open Day ini diharap dapat mencapai objektif KBS dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai dan dengan proses kelulusan yang dipercepatkan akan dapat merancakkan penganjuran sukan sekali gus mengembangkan ekonomi di dalam sektor sukan.
7. Penganjuran KBS Open Day ini adalah untuk menyahut seruan Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk mengurangkan birokrasi and bekerjasama dengan pemegang taruh untuk mewujudkan ekosistem yang efisien.
8. YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatarasu, Ketua Setiausaha KBS turut hadir dalam memastikan perkhidmatan yang disediakan dapat mencapai objektif yang ditetapkan.
9. Sehubungan itu, orang ramai dijemput hadir untuk berurusan dengan mana-mana kaunter yang dibuka. Penganjuran KBS Open Day akan turut diadakan pada hari Jumaat pertama setiap bulan bagi memastikan perkhidmatan KBS berada di tahap yang baik.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

28 FEBRUARI 2023